

16/09/2003

Tambahan dana RM1b mampu lonjak industri kecil

KUALA LUMPUR: Penambahan dana Skim Kredit Mikro sebanyak RM1 bilion menerusi Bajet 2004 mampu merancakkan industri kecil dan sederhana (IKS) bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negara.

Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda Umno, Said Anuar Said Ahmad, berkata tambahan dana yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 September lalu berupaya menjana aktiviti pelaburan domestik di kalangan usahawan khususnya Bumiputera.

Beliau berkata, langkah itu turut membuktikan kerajaan memandang serius pembabitan golongan peniaga kecil dalam aktiviti pelaburan negeri.

"Kerajaan amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi golongan peniaga dan usahawan terutama yang berkaitan kemampuan dari segi modal.

"Usahawan Bumiputera khususnya wajar mengambil peluang ini dan mereka perlu menggunakan wang pinjaman yang diperoleh secara bijak bagi memastikan peningkatan aliran kewangan dalam perniagaan mereka," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pengumuman Perdana Menteri dalam Bajet 2004 iaitu kerajaan memberikan tambahan RM1 bilion bagi pembiayaan di bawah Skim Kredit Mikro yang disalurkan menerusi Bank Pertanian Malaysia Bhd dan Bank Simpanan Nasional.

Dr Mahathir berkata, penyediaan kemudahan itu adalah lanjutan daripada Skim Kredit Mikro di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Mei lalu, yang memberikan pinjaman mudah kepada pengusaha kecil daripada pelbagai golongan seperti petani, penternak lembu, peniaga pasar malam dan penjaja.

Said Anuar berkata, sikap bertanggungjawab dan disiplin penting bagi memastikan wang pinjaman yang diberikan kerajaan menerusi skim berkenaan digunakan sebaik-baiknya supaya peminjam mampu membuat pembayaran balik kepada bank dengan teratur.

Beliau berkata, pihaknya juga meminta supaya pihak pemberi pinjam hanya memberikan pinjaman kepada mereka yang benar-benar layak dan tidak meletakkan syarat yang terlalu ketat.

"Syarat yang terlalu ketat akan menyebabkan peminjam berputus asa dan dikhuatiri mereka akan mencari alternatif lain dengan meminjam wang daripada along atau ceti haram," katanya.

Biro Ekonomi Pemuda Umno juga berpendapat, kemudahan pinjaman tidak wajar diberikan kepada peminjam yang mempunyai rekod pembayaran semula yang tidak baik kerana ia akan hanya mencemarkan pelaksanaan skim itu.